

PM: Kita hilang kebebasan jika undang campur tangan asing

UM 3 JUL 2001

Oleh ZULKIFLI JALIL dan ASUKI ABAS

PUTRAJAYA 2 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan rakyat termasuk pembangkang bahawa Malaysia akan hilang kebebasan dan kemerdekaannya jika mereka mengundang pihak asing mencampuri urusan dalaman negara.

Tegas Perdana Menteri, bagaimanapun terserah kepada rakyat jika mereka tetap memilih tindakan itu dengan memanggil kuasa asing untuk menguasai negara ini.

“Di zaman dahulu, orang ini (yang meminta campur tangan asing) dipanggil penderhaka kepada negara tetapi di zaman sekarang nampaknya ada orang yang

menganggap perbuatan macam ini mulia,” katanya.

Beliau menegaskan demikian kepada pemberita selepas mempergunakan mesyuarat Majlis Aeroangkasa Malaysia (MAC) di Bangunan Putra Perdana di sini.

Dr. Mahathir mengulas mengenai tindakan Presiden Parti Keadilan Nasional (Keadilan), Datin Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail menemui anggota-anggota Kongres Amerika Syarikat (AS) pada 28 Jun lalu bagi menjelaskan keadaan suaminya, Datuk Seri Anwar Ibrahim yang sedang menjalani hukuman penjara di negara ini.

Menurut agensi berita *Reuters*, dalam pertemuan yang turut dihadiri oleh Pengerusi Jawatankuasa Hubungan Antarabangsa, Henry

Hyde itu, Dr. Wan Azizah turut menjelaskan pendirian Anwar untuk menjalani rawatan tulang belakang di Jerman.

Alasan

Kehadiran isteri Anwar di AS itu adalah juga untuk menyampaikan ucapannya pada persidangan tahunan bersama *Islam di Amerika* dan *Islam di penjara Amerika* anjuran Persatuan Islam Amerika Utara (ISNA) di Indianapolis.

Tahun lalu, atas alasan kononnya berlaku pencabulan hak asasi manusia di Malaysia, ISNA membatalkan jemputannya kepada Dr. Mahathir untuk menyampaikan ucapan pada kongres persatuan itu.

Selepas ke Amerika Syarikat,

Wan Azizah kini difahamkan berada di Britain.

Mengulas lanjut mengenai tindakan Dr. Wan Azizah itu, Dr. Mahathir berkata, itu adalah haknya tetapi negara akan hilang kebebasan jika rakyat sering sangat mahu mengundang campur tangan asing.

Selain Dr. Wan Azizah, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor turut membuat pertemuan dengan pemimpin asing yang tindakannya kemudian diselar oleh para pemimpin negara ini.

Fadzil yang juga Ketua Pembangkang menemui Menteri Luar Australia, Alexander Downer di Sydney baru-baru ini bagi menjelaskan beberapa isu dalaman negara.